

'Nak kurus jadi gila'

Metro 17/1/12 13.

Minuman kesihatan dicampur kimia beracun digempur

IPOH: Impian untuk kurus dengan segera boleh mendedahkan pengguna terhadap risiko penyakit gila dan maut apabila sejenis produk minuman kesihatan terkenal didapati dicampurkan kimia beracun diharamkan.

Kewujudan kimia berbahaya sibutramine itu turut mencetuskan persoalan apabila pemilik syarikat mendakwa produk berkenaan dihasilkan 100 peratus daripada kandungan teh hijau dan pelbagai herba botani terpilih.

Produk minuman pelangsingan tubuh itu bagaimanapun dirampas selepas serbuan serentak di seluruh negara terhadap syarikat dan stokis produk itu oleh pegawai Bahagian Penguat kuasa Farmasi (BPF) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pagi semalam.

Dalam pemeriksaan di pejabat syarikat itu di Greentown, di sini, sepasukan tiga pegawai BPF melakukan soal siasat sebelum menemui 465 pekete produk pelangsingan tubuh itu.

Jurucakap BPF berkata, produk milik syarikat terkemuka itu dijual dengan harga RM40 sekotak dan didakwa boleh memberi kesan menurunkan berat badan selepas satu hingga dua minggu penggunaannya.

"Bagaimanapun siasatan mendapati pihak syarikat tidak jujur apabila gagal menerangkan kandungan kimia tersembunyi produk itu.

"Mereka hanya mendakwa ia diadun daripada herba semula jadi yang mampu mengurangkan selera makan, meningkatkan metabolisme tubuh selain memberikan tenaga pada badan," katanya.

Senarai hitam 20 produk pelangsing

IPOH: Lebih 20 produk pelangsing badan disenarai hitam oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sejak 2010 selepas dikesan mengandungi bahan kimia beracun sibutramine termasuk steroid yang boleh memudaratkan pengguna.

Ketua Penolong Pengarah Kanan Penguatkuasaan Farmasi, Kementerian Kesihatan, Mazlan Ismail (*gambar*) berkata, produk mengandungi kimia berbahaya sibutramine sudah sekian lama berlegar di pasaran sebagai makanan kesihatan. Menurutny, kimia



sibutramine itu diharamkan dalam kaedah perubatan berikutan boleh mendatangkan kesan mudarat kepada kesihatan termasuk kesan tidak siaman

dan semput kronik.

"Sepanjang tahun lalu, sebanyak lapan produk kesihatan dirampas Bahagian Penguat kuasa Farmasi (BPF) selepas didapati mengandungi kimia sibutramine ini.

"Bagi tahun ini pula, dua produk kesihatan turut diambil tindakan sama selepas ujian makmal turut menemui kehadiran kimia berbahaya ini," katanya.

Menurutnya, ada pengguna meninggal kerana menggunakan produk ini dan dikhuatiri ramai mendapat penyakit kronik.

Sementara itu, operasi sama turut dilakukan sepasukan pegawai BPF di ibu pejabat syarikat itu di Kuala Lumpur sebelum pihak BPF merampas 170 ribu pekete produk berkenaan.

Pengarah Penguat kuasa BPF, Mohd Hatta Ahmad berkata, nilai rampasan produk melangsingkan tubuh itu di seluruh negara dianggarkan mencecah RM500,000.

Menurutnya, serbuan serentak terhadap 27 premis dan stokis syarikat itu di

seluruh negara termasuk sebuah syarikat pembungkusan produk minuman di Nilai, Negeri Sembilan.

"Kira-kira 200 pegawai BPF terbabit dalam serbuan ini dengan menasarkan produk minuman kesihatan disahkan ujian makmal BPF mengandungi kimia sibutramine.

"Siasatan mendapati produk serbuk minuman berperisa buah-buahan ini mampu memberi tindak balas kepada sistem tubuh termasuk menghilangkan selera makan serta

gangguan emosi," katanya.

Beliau berkata, siasatan mendapati syarikat terbabit membeli produk minuman itu dari pihak lain sebelum membungkusnya semula dan dijual kepada orang ramai.

Difahamkan, kebanyakan kapsul atau serbuk pelangsing mengandungi bahan kimia sibutramine boleh memberi kesan sampingan seperti kemurungan, psikosis dan halusinasi, risiko tekanan darah tinggi, sakit jantung dan kepala.